

11/07/1999

Banyak makna tersirat di sebalik tulisan Baker

iewed by Halmi Samad

Tajuk: Crossroads: A Popular History of Malaysia And Singapore.

Penulis: Jim Baker.

Penerbit: Times Books International.

Harga: RM58.80.

PADA kulit depan buku Crossroads: A Popular History of Malaysia and Singapore tulisan Jim Baker terbitan Times Books International dipaparkan ulasan Ketua Biro Associated Press (AP), Jim Baker yang sudah 15 tahun bertugas di Singapura.

Ulasan ringkas itu berbunyi: "A must-read for those puzzled about what's behind recent headlines from Southeast Asia." Terjemahan mudahnya bermaksud: "(Bahan yang) mesti dibaca oleh mereka yang bingung dengan tajuk berita di Asia Tenggara baru-baru ini."

Saya turut terperangkap dengan jolokan penulis. Halaman 73 mendedahkan segala-galanya. Ia dimula dengan perihal Sultan Mahmud 'Mangkat Dijulang' sebagai seorang Sultan yang kejam, tidak bertata susila dan melakukan hubungan homoseksual.

Sultan Mahmud (1665-1699) juga digambarkan seorang yang tidak layak untuk menjadi Sultan Johor kerana pemerintahannya dikatakan dikongkong Laksamana Abdul Jalil. Beliau juga diperihalkan seorang yang memiliki perwatakan dan akhlak rosak.

Ini berdasarkan peristiwa beliau menjadikan rakyatnya dipercayai bekerja di istananya sebagai sasaran untuk mencuba senjata baru dimilikinya. Beliau juga sering mencetuskan masalah dan huru-hara kepada pedagang serta pegawai di Johor. Pernah satu ketika, beliau menghukum isteri seorang hulubalang negeri yang mengandung, supaya isi perutnya dikeluarkan di khalayak kerana dituduh mencuri buah-buahan di dusunnya.

Secara tersirat, penulis mungkin cuba untuk mengajak pembaca merenung kembali dan mengaitkan pelbagai perkembangan berlaku di Malaysia yang mendapat tempat amat istimewa di muka depan akhbar negara ini, iaitu kes perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Di belakang buku itu juga dilontarkan lima persoalan yang mahu dilontarkan penulis yang mengaku melakukan penyelidikan rapi ketika menyiapkan buku ini. Lima persoalan itu ialah:

* Apakah nilai Asia dan setakat mana kejayaan Malaysia Singapura terhadap perkongsian nilai berkenaan?

* Bagaimana kedua-dua negara itu mengadili dan menangani sekatan terhadap hak asasi perseorangan?

* Bolehkah masyarakat majmuk pelbagai bangsa hidup harmoni?

* Bolehkah pelbagai kaum yang mewakili kelompok masyarakat tertentu berkongsi nasib dan identiti kebangsaan serupa?

* Apakah bentuk masa depan Malaysia dan Singapura sebaik saja mereka dapat mengatasi persengketaan era tahun 90-an?

Penulis turut mengemukakan imbasan sejarah mengenai penjajahan Jepun di Malaya. Di halaman 221, ditampilkan grafik segar mengenai kronologi penjajahan askar 'Negara Matahari Terbit' itu.

Buku ini turut memapar sejarah terperinci mengenai ketegangan ketika Darurat 1948 dan pergaduhan di antara kaum di Malaysia (Malaya ketika itu) serta Singapura. Namun, fakta itu boleh membangkitkan sejarah pilu kepada generasi tua.

Pada masa yang sama, penulis bertindak bijak dengan menyiarkan gambar menarik. Bak kata pepatah: 'Di sebalik sekeping gambar tersirat sejuta

makna'. Kerana itu, gambar di muka surat 100, 177, 205, 208, 224, 228, 246, 301 serta 327, cukup berguna untuk generasi muda.

Pada penghujung buku, penulis mengupas kejayaan Malaysia sesudah melampaui zaman pedih. Secara khusus, penulis mengagumi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana berupaya mengubah pemikiran orang Melayu, daripada gemarkan kerja berorientasikan kerajaan kepada swasta.

Crossroads: A Popular History of Malaysia and Singapore diakhiri dengan paparan mengenai Singapura. Penulis mungkin sengaja berbuat demikian, kerana secara tersiratnya lebih menyayangi republik berkenaan.

Begitupun, penulis mengakui betapa dia mahu melihat kedua-dua negara - Malaysia dan Singapura - kembali bergabung kerana percaya lebih banyak faedah dapat dimanipulasi. Secara keseluruhan, buku ini menarik untuk dibaca dan dijadikan bahan rujukan.

(END)